



BERSAMAAN  
PERDANA  
MAJESTIK  
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu



**MODUL  
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN  
SPM 2020**

**MPP 3  
EKONOMI  
KERTAS 1**

Nama : \_\_\_\_\_

Kelas : \_\_\_\_\_

DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU


Tidak dibenarkan merayuri atau memuat naik mesej bantahan dalam modul ini  
tanpa kebenaran Penguruh Pendidikan Negeri Terengganu

- 1 Ilmu ekonomi mengkaji tentang bagaimana manusia
  - A menggunakan wang bagi meningkatkan tabungan masa depan
  - B menyeimbangkan pelbagai kehendak dengan sumber ekonomi yang ada
  - C mengurangkan jurang perbezaan antara golongan kaya dengan golongan miskin
  - D menghasilkan keluaran dengan menggunakan faktor pengeluaran secara maksimum
- 2 Gambar berikut menunjukkan sejenis faktor pengeluaran.



Pernyataan manakah yang menggambarkan faktor pengeluaran tersebut?

- A Input produktif yang dicipta oleh manusia yang membantu dalam proses pengeluaran
  - B Berperanan menyelaras dan menggabungkan faktor pengeluaran
  - C Sumber semula jadi yang mempunyai penawaran terhad
  - D Mbenarkan orang lain menguruskan untungnya
- 3 Rajah berikut menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran Firma MN.



Apakah yang berlaku pada titik R, T dan U?

- A Tingkat teknologi tidak mencukupi
- B Ekonomi tidak mencapai guna tenaga penuh
- C Tidak berlaku masalah kos lepas dalam membuat pilihan
- D Berlaku kecekapan ekonomi dalam mengeluarkan makanan dan pakaian

4 Maklumat berikut berkaitan dengan penyelesaian masalah asas ekonomi oleh Syarikat SLL.

- Mengeluarkan barang dengan cara memaksimumkan keuntungan dan meminimumkan kos
- Bergantung kepada corak agihan pendapatan

Antara berikut, masalah asas ekonomi manakah yang dapat diselesaikan oleh Syarikat SLL?

- I Apa yang hendak dikeluarkan
  - II Bagaimana hendak dikeluarkan
  - III Untuk siapa hendak dikeluarkan
  - IV Berapa yang hendak dikeluarkan
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan III
  - D III dan IV

5 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri sistem ekonomi sebuah negara.

- Persaingan bebas antara firma
- Kawalan oleh kerajaan melalui sistem cukai dan subsidi

Negara tersebut mengamalkan sistem ekonomi

- A perancangan pusat
- B campuran
- C kapitalis
- D Islam


6 Jadual berikut menunjukkan permintaan Zainab dan Abim terhadap suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)	
	Zainab	Abim
2	15	18
4	8	12
6	2	7

Berapakah permintaan pasaran pada tingkat harga RM2?

- A 9 unit
- B 18 unit
- C 23 unit
- D 33 unit

7 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan bagi suatu barang.




Mengapakah berlaku perubahan keluk  $D_0D_0$  ke  $D_1D_1$ ?

- A Harga barang itu meningkat
- B Pendapatan pengguna menurun
- C Harga barang pengganti menurun
- D Jangkaan harga akan meningkat pada masa depan

8 Situasi berikut berkaitan dengan satu penentu penawaran rumah.

Tingkat teknologi meningkat

Trik koordinat yang manakah menunjukkan kesan perubahan penentu penawaran tersebut?



9 Jadual berikut menunjukkan permintaan dan penawaran buah manggis di pasaran.

Harga (RM)	Permintaan (kg)	Penawaran (kg)
25	10	40
15	20	30
10	30	20
5	40	15

Pilih pernyataan yang benar


- A Pada tingkat harga RM5, berlaku lebihan permintaan sebanyak 25 kg
- B Pada tingkat harga RM10, berlaku lebihan penawaran sebanyak 10 kg
- C Penawaran terhadap manggis meningkat sebanyak 9 kg apabila harga naik dari RM15 ke RM25
- D Permintaan terhadap manggis meningkat sebanyak 10 kg apabila harga turun dari RM15 ke RM5

10 Andaikan bahawa pasaran bagi barang A berada di tahap keseimbangan. Jika citarasa barang A menurun, apakah yang akan berlaku pada titik keseimbangan yang baru?

- A Penurunan harga dan kuantiti
- B Peningkatan harga dan kuantiti
- C Peningkatan harga dan penurunan kuantiti
- D Penurunan harga dan peningkatan kuantiti

11 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan suatu barang.

Harga (RM)



Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga berubah dari RM6 ke RM12?

- A 0.67
- B 0.75
- C 1.33
- D 1.50


12 Jadual berikut menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti bagi penawaran Barang X dan Barang Y.

Barang	Peratus perubahan Harga (%)	Peratus perubahan Kuantiti (%)
X	50	35
Y	40	60

Maklumat manakah yang betul tentang barang tersebut?

- A Peratus perubahan kuantiti lebih kecil daripada peratus perubahan harga bagi barang Y
- B Pekali keanjalan Barang X ialah kurang daripada 1
- C Jenis keanjalan Barang Y ialah tak anjal
- D Keluk penawaran Barang X lebih landai

- 13 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan (DD) dan keluk penawaran (SS) pasaran motosikal sebelum ( $S_1, S_0$ ) dan selepas pengenaan cukai oleh kerajaan ( $S_1, S_2$ ).



Apakah kesan pengenaan cukai oleh kerajaan?

- I Cukai per unit ialah  $P_1 - P_0$
  - II Beban pengguna sebanyak  $P_1 - P_0$  SR
  - III Beban pengeluar sebanyak  $P_0 - P_1$  TU
  - IV Jumlah cukai ialah sebanyak  $P_1 - P_0$  SU
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 14 Seorang petani menjual hasil pertaniannya di pasar tani. Dengan pendapatan yang diperoleh, petani tersebut telah membeli lima kilogram beras.

Apakah fungsi wang tersebut?

- A Alat ukuran nilai  
B Alat simpanan nilai  
C Alat bayaran tertunda  
D Alat perantaraan pertukaran

- 15 Bagaimakah cara bank pusat menstabilkan nilai Ringgit Malaysia?

- I Campur tangan dalam pasaran pertukaran asing (FOREX)
  - II Mengeluarkan wang negara iaitu wang kertas dan duit syiling
  - III Memperuntukkan sandaran minimum 80.59% dalam bentuk emas dan rezab antarabangsa
  - IV Memberi pendahuluan sementara kepada kerajaan apabila kerajaan mengalami masalah kekurangan wang
- A I dan II  
B I dan III  
C II dan IV  
D III dan IV

16 Apakah kelebihan menggunakan overdraf dalam sesuatu urus niaga?

- A Boleh mengeluarkan wang tanpa had
- B Pendeposit di bank perdagangan layak ditawarkan kemudahan ini
- C Dapat digunakan oleh peniaga yang menghadapi masalah aliran tunai
- D Faedah yang dikenakan tidak terlalu tinggi terhadap wang yang dikeluarkan

17 Maklumat berikut berkenaan dengan sektor ekonomi di Malaysia.

Melibatkan pengeluaran secara langsung daripada alam semulajadi tanpa mengubah suai bentuk barang.

Gambar yang manakah sesuai dengan maklumat tersebut.



18 Bagaimanakah individu boleh menggunakan pendapatan boleh gunanya?

- A Membuat caruman PERKESO
- B Membayar cukai pendapatan
- C Membuat caruman KWSP
- D Membayar insuran nyawa

19 Maklumat di bawah berkaitan dengan upah wang dan tiga barang di pasaran

Upah Wang (RM)	Harga Barang X (RM)	Harga Barang Y (RM)	Harga Barang Z (RM)
6000	8.00	10.00	12.00


Apakah yang akan terjadi jika harga purata barang berubah kepada RM20.00?

- A Tabungan meningkat
- B Upah benar meningkat
- C Kuasa beli pengguna berkurang
- D Pendapatan boleh guna meningkat

20 Antara yang berikut, manakah merupakan faedah sampingan?

- I Culik bersalin
  - II Jaminan kerja
  - III Elaun perumahan
  - IV Tempat kerja yang selesa dan selamat
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

21 Gambar berikut menunjukkan sejenis faktor pengeluaran.



Pernyataan manakah yang tepat berkaitan faktor pengeluaran tersebut?

- A Wujud dalam jangka masa pendek sahaja
- B Kuantitiya berubah mengikut perubahan output
- C Tidak wujud pada tingkat pada tingkat keluaran sifar
- D Pembayaran ke atas input dikenali sebagai kos berubah

22 Jadual berikut menunjukkan kos pengeluaran sebuah firma.

Jumlah Keluaran (unit)	Kos Tetap (RM)	Kos Berubah (RM)
6	30	21
7	30	26
8	30	30

Berapakah kos purata pada keluaran ke 8?

- A RM7.00
- B RM7.50
- C RM8.00
- D RM8.50

23 Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran buku dalam masa seminggu oleh firma Q.

Kos Tetap	= RM500
Kos Berubah	= RM 300
Kos Purata	= RM 20

Berapakah jumlah output yang dihasilkan?

- A 30 unit
- B 40 unit
- C 50 unit
- D 80 unit

24 Antara berikut, faktor manakah yang mempengaruhi produktiviti?

- I Modal yang tinggi
- II Peningkatan kualiti sumber insan
- III Kualiti bahan mentah yang rendah
- IV Penyelenggaraan dan pemeriksaan yang kurang teliti

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

25 Gambar di bawah berkaitan dengan perkhidmatan kerajaan



Apakah matlamat utama kerajaan menyediakan perkhidmatan tersebut?

- A Menjana pendapatan negara
- B Memonopoli pasaran negara
- C Memaksimumkan kebaikan masyarakat
- D Menjaga kestabilan harga barang di pasaran

26 Tenaga Nasional Berhad di Malaysia dianggap sebagai syarikat monopolis semula jadi kerana

- A dimiliki oleh sektor swasta
- B disenaraikan di Bursa Saham
- C mengenakan harga yang tinggi
- D menanggung kos modal yang tinggi

27 Mengapakah kerajaan ingin mencapai objektif tingkat guna tenaga penuh?

- I Mencapai kecekapan peruntukan sumber ekonomi
  - II Memaksimumkan jumlah kapasiti pengeluaran
  - III Menurunkan kuasa beli masyarakat
  - IV Mengurangkan daya saing negara
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

28 Manakah yang menyebabkan berlakunya inflasi tolakan kos?

- A Pertambahan kos bahan api
- B Pengembangan kredit bank perdagangan
- C Peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan
- D Peningkatan dalam perbelanjaan penggunaan

29 Pernyataan manakah yang berkaitan dengan cukai langsung?

- A Koperasi SMAAF Berhad membayar cukai atas keuntungannya
- B Syarikat Anda Hebak Berhad dikenakan cukai jualan dan perkhidmatan
- C Puan Hasmah membayar cukai kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia
- D Syarikat Haiza Berhad dikenakan denda kerana melanggar undang-undang

30 Bagaimanakah dasar kewangan mengatasi masalah "terlalu banyak wang mengejar sedikit barang" dalam ekonomi?

- I Menaikkan kadar cukai
  - II Menaikkan kadar faedah
  - III Menjual surat jaminan kerajaan
  - IV Menaikkan perbelanjaan kerajaan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

31 Rajah di bawah merupakan beberapa buah syarikat di dunia.



- A Syarikat Sendirian Berhad
- B Syarikat Multinasional
- C Syarikat Kerajaan
- D Syarikat Koperasi

32 Antara berikut, yang manakah merupakan faktor yang mempengaruhi globalisasi?

- A kenaikan tarif perintis
- B perkembangan ekonomi
- C perkembangan teknologi maklumat
- D kenaikan kadar pertukaran mata wang asing

33 Maklumat yang berikut berkaitan dengan sebab wujudnya perdagangan antarabangsa.

New Zealand mengeluarkan dan mengeksport buah Anggur ke Malaysia.

Apakah faktor tersebut?

- A Harga faktor
- B Iklim dan tanah
- C Sumber semula jadi
- D Tingkat kecekapan pengeluaran

34 Antara yang berikut manakah merupakan tujuan kerajaan menganak tarif terhadap barang import?

- A Menggalakkan penawaran barang import
- B Memperbaikiimbangan pembayaran
- C Meningkatkan kadar pengangguran
- D Mengurangkan pendapatan negara

35 Jadual di bawah menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Australia (Aud)

Mata wang	Harga belian (RM)	Harga Jualan (RM)
1 Aud	2.6571	2.9571

Seorang pelancong Australia ingin menukarkan 400 Aud kepada Ringgit Malaysia. Berapakah Ringgit Malaysia yang diterima oleh pelancong tersebut?

- A RM150.54
- B RM135.27
- C RM1,182.84
- D RM1,162.65

Pilihan jawapan bagi Soalan 36 hingga Soalan 40 berdasarkan jadual berikut

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- 36      I Firma menghadapi masalah kekurangan faktor pengeluaran untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan.  
 II Firma membuat pilihan untuk memaksimumkan kepuasan.
- 37      I Sektor utama melibatkan aktiviti pemprosesan barang.  
 II Contoh pekerjaan sektor ketiga ialah nelayan.
- 38      I Eksternaliti ialah kos atau faedah yang tidak diambil kira dalam pengeluaran dan penggunaan sesuatu barang dan perkhidmatan.  
 II Contoh kos sosial ialah pembakaran sampah secara terbuka.
- 39      I Inflasi tarikan permintaan disebabkan oleh peningkatan permintaan agregat dalam ekonomi.  
 II Kerajaan melalui alat dasar belanjawan mengatas inflasi dengan menaikkan kadar faedah pinjaman
- 40      I Pengangguran merupakan penunjuk ekonomi yang mengukur peratus pengangguran dalam kalangan tenaga buruh yang sedia ada dalam sebuah negara.  
 II Pengangguran menyebabkan pendapatan negara sebenar lebih daripada pendapatan negara potensi

#### KERTAS SOALAN TAMAT